Jumlah Bantuan SKAS 2026

Kategori Penerima	Fasa 1 Dibayar pada: 10 Mac 2026	Fasa 2 Dibayar pada: 15 Mei 2026	Fasa 3 Dibayar pada: 10 Nov 2026
RM1100 Isi Rumah (≤ RM5,000)	**RM316**	**RM424**	**RM360**
RM600 Warga Emas (Tunggal) (≤ RM5,000)	**RM166**	**RM234**	**RM200**
RM375 Bujang (≤ RM2,500)	**RM100**	**RM150**	**RM125**

1. Dikreditkan terus ke dalam *e-wallet* digital **S PAY GLOBAL (Sarawak Pay).**
2. Merupakan aplikasi *e-wallet* (dompet elektronik) rasmi negeri Sarawak.
3. Langkah mudah untuk log masuk ke SPay Global adalah melalui SarawakPass dulunya adalah SarawakID.
4. Satu sistem identiti digital tunggal dan selamat yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.
5. Semua penerima dikehendaki untuk mendaftar SarawakPass.

Cara Mendaftar



Cara Mendaftar

1	Muat turun aplikasi S Pay Global di Apps Store atau Google Play Store dalam telefon anda.
2	Pilih 'New User Registration'.
3	Pilih warganegara anda.
4	Isikan butir-butir maklumat anda.
5	Muat naik gambar MyKad anda.
6	Pastikan muka anda dalam bulatan untuk tujuan rakaman.
7	Masukkan no.TAC yang dihantar ke no. telefon anda untuk pengesahan. Kemudian sila log masuk.
8	Daftarkan PIN pembayaran anda. PIN ini diperlukan untuk pengesahan pembayaran anda nanti.
9	Tahniah! Pendaftaran anda telah berjaya.

Semakan Status & Kelayakan

Semakan Nama Penerima Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS) boleh dibuat melalui laman web rasmi **https://service.sarawak.gov.my/web/web/home/sla_view/0/821/**

SKAS Tidak Boleh Ditunaikan

1. Tindakan tegas akan diambil sekiranya didapati peniaga menunaikan bantuan SKAS dengan menggugurkan atau tidak lagi menyediakan perkhidmatan S Pay Global – SKAS.
2. Bagi penerima pula, mereka boleh disenaraihitamkan daripada menerima bantuan pada masa akan datang sekiranya didapati menyalahgunakan kemudahan yang disediakan.

Manfaat kepada Rakyat

- Menjamin keperluan asas rakyat Sarawak.
- Mengurangkan beban kos sara hidup.
- Memperkukuh kesejahteraan masyarakat selaras dengan aspirasi Sarawak Prihatin.
- Membuktikan kerajaan berkhidmat demi rakyat, bukan sekadar mengurus bajet.

Objektif

Memastikan kebajikan rakyat Sarawak, terutamanya isi rumah berpendapatan rendah, warga emas dan individu bujang, disalurkan secara tepat, berkesan, dan tanpa ada yang tercicir.

Kategori Penerima

Isi Rumah
(Mempunyai Tanggungan)

Berkahwin;

Ibu atau bapa tunggal/ balu/ janda/ duda yang mempunyai tanggungan (anak/ ibu bapa);

Tiada had umur.

Bujang
(Tiada Tanggungan)

Bujang;

Ibu atau bapa tunggal/ balu/ janda/ duda yang tiada tanggungan;

Pendapatan kasar bulanan RM2,500 dan ke bawah; dan

Bujang berumur antara 21-59 tahun; atau

Bujang Orang Kurang Upaya (OKU) berumur 19 tahun dan ke atas; dan

Bukan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sepenuh masa.

Warga Emas
(Tiada Tanggungan)

Bujang; atau

Ibu atau bapa tunggal/ balu/ janda/ duda yang tiada anak;

Pendapatan kasar bulanan RM5,000 ke bawah; dan

Had umur 60 tahun dan ke atas.

Sumber

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sarawak

Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak

Terbitan

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA SARAWAK

Dapatkan pelbagai Koleksi Bahan Penerbitan Digital, dengan mengimbas Kod QR dibawah atau layari dbook.penerangan.gov.my



japensarawak | japensarawak | Japen Sarawak | JAPEN Sarawak | KDS TV

SKAS 2026

Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS)

"Komitmen Diperkukuh: Bantuan 2026 **meningkat kepada RM640 juta**, **naik 14.9%** berbanding tahun 2025."

"Peningkatan nilai bantuan SKAS pada tahun kedua pelaksanaannya membantu rakyat menangani peningkatan kos sara hidup."

YAB DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI TUN DATUK ABANG HAJI OPENG
Premier Sarawak

Sumber: BERNAMA | 7 Mac 2026

STRATEGI AGIHAN SKAS 2026: BERPERINGKAT
"PANTAS • SELAMAT • EFISIEN"

TARIKH KERAMAT:
10 MAC 2026
15 MEI 2026
10 NOV 2026

PLATFORM UTAMA:
S PAY GLOBAL
Peneraju Gerbang Kewangan Digital Sarawak